

31/05/2002

Mesyuarat agung Pemuda MCA Melaka, Pulau Pinang digantung

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Khamis - Mesyuarat agung (AGM) Pemuda MCA Melaka dan Pulau Pinang digantung kerana gagal mencapai persetujuan bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan pemimpin melebihi had umur 45 tahun pada penamaan calon Selasa lalu.

Setiausaha Agung parti, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, berkata Pemuda MCA Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan juga diberi tempoh sehingga Sabtu ini untuk mencapai persetujuan dan menyerahkan satu senarai calon.

"Kami mencadangkan mereka terus mengadakan perbincangan untuk mencapai persetujuan bagi kekosongan sedia ada dan mereka akan kembali Sabtu ini untuk memberitahu sama ada AGM boleh diadakan Ahad ini atau sebaliknya," katanya selepas menghadiri mesyuarat kelima Jawatankuasa Khas Sembilan Anggota di Wisma MCA di sini, hari ini.

Mesyuarat kira-kira empat jam itu dipengerusikan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan turut dihadiri semua anggota kecuali Naib Presiden, Datuk Chan Kong Choy.

Ting berkata, Jawatankuasa Khas Sembilan Anggota akan menghantar wakil untuk membantu empat negeri iaitu Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan dalam rundingan mencapai persetujuan bagi satu senarai secepat mungkin.

Beliau berkata, sembilan pergerakan Pemuda negeri lain dan semua pergerakan Wanita negeri akan meneruskan AGM masing-masing Ahad ini kerana sebahagian besar kekosongan sudah diisi melalui rundingan.

Katanya, pencalonan pencabar akan terbatal secara automatik kerana persetujuan sudah dicapai bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan pemimpin melebihi had umur 45 tahun untuk sembilan negeri terbabit.

Ketua Pemuda bagi sembilan negeri itu ialah Tan Chin Meng (Perak), Liow Tiong Lai (Pahang), Hoo Seong Chang (Johor), Wong Koon Mun (Selangor), Leong Soo Kheng (Kelantan), Tan Kok Kheng (Perlis), Chin Wai Sun (Terengganu), Chua Kim Chuan (Kedah) dan Chew Kok Woh (Sabah).

Sementara itu, Ting berkata, beberapa bahagian MCA yang digantung mesyuarat agungnya sebelum ini juga akan meneruskan rundingan masing-masing sehingga mencapai persetujuan.

"Jika menjelang 6 Jun ini mereka masih gagal mencapai persetujuan, kekosongan itu akan dibiarkan dan kami akan terus menghantar notis mengadakan perhimpunan agung tanpa mereka," katanya.

Beliau bagaimanapun menasihatkan ahli yang ingin berkhidmat untuk MCA supaya memainkan peranan masing-masing dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan parti memandangkan MCA adalah sebuah parti besar.

Selasa lalu, 10 daripada 13 Pemuda MCA negeri menghadapi pertandingan bagi penamaan calon di peringkat negeri kecuali Kelantan, Kedah dan Sabah manakala Wanita Selangor menghadapi persaingan tiga penjuror untuk jawatan Naib Ketua Wanita negeri.

Pada 23 April lalu, kedua-dua puak yang bertelagah dalam MCA bersetuju mengekalkan kepimpinan sedia ada dan mengadakan pemilihan tanpa pertandingan demi kestabilan serta keharmonian parti sehingga 2005.

Ini adalah sejajar dengan agenda perdamaian dan kestabilan yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menamatkan krisis dalaman MCA yang berlaku lebih dua tahun lalu.

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Parti yang diadakan selepas mesyuarat jawatankuasa khas, Ting sebagai pengerusinya berkata, ketiga-tiga cabang MCA bahagian Bukti Mertajam, MCA bahagian Kuala Langat

dan MCA bahagian Muar masih mengadakan rundingan.  
(END)